

Tiada pilihan lain ganti BN

(P) Min. M. 27 JUN 1993

KUALA LUMPUR 26 Jun - Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa tidak ada pilihan lain yang dapat menggantikan Barisan Nasional (BN) kerana parti tersebut telah membuktikan keupayaannya menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Beliau berkata, pakatan antara parti-parti komponen dalam BN adalah tetap dan lebih kekal berbanding dengan parti-parti pembangkang yang hanya wujud semasa pilihan raya umum.

"Kegagalan pakatan tiruan antara parti-parti pembangkang ialah kerana para pemimpinnya tidak jujur dan mementingkan diri sendiri daripada kepentingan rakyat dan negara," katanya semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Ke-40 MCA di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, keberkesanan pemerintahan BN terbukti apabila banyak negara membangun dan pertubuhan antarabangsa berminat mempelajari cara-cara pen-

tadbiran negara yang berbilang kaum dan agama ini.

Beliau mengakui walaupun terdapat masalah kecil dalam BN seperti tindakan USNO bersubahat dengan parti lawan tetapi perkara itu tidak menjejaskan kedudukan BN.

"Bahkan ia lebih menguatkan parti kerana BN tidak sanggup mempunyai pemimpin-pemimpin dalam komponennya yang lebih mementingkan diri sendiri daripada kepentingan parti, rakyat dan negara," katanya.

Prinsip

Beliau menegaskan BN akan sentiasa memegang prinsip bahawa kepentingan negara dan parti adalah lebih penting daripada kepentingan individu atau mana-mana kumpulan.

Perdana Menteri juga turut membidas golongan yang menentang apa sahaja yang dilakukan oleh kerajaan hanya kerana sematamata untuk menentang walaupun sesuatu rancangan itu berfaedah.

"Walaupun sesuatu projek itu terbukti berjaya dan dunia mengagukinya, mereka tetap tidak mahu menerima kenyataan. Tetapi yang anehnya mereka turut menumpang kejayaan tersebut," ujarnya.

Mengenai MCA pula, Pengerusi BN itu berkata, sifat-sifat parti itu yang tidak melampau dan perkauman seperti DAP menyebabkan ia lebih diterima oleh majoriti masyarakat Melayu.

Katanya, sikap para pemimpinnya yang sederhana dan realistik terhadap kenyataan bahawa penduduk negara ini adalah berbilang kaum membolehkan BN menyelesaikan dengan baik masalah negara tanpa menjejaskan perpaduan dan kestabilan.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menyeru masyarakat Cina terus memberi sokongan yang kuat kepada MCA di samping menjauhkan diri daripada politik perkauman keterlaluan seperti yang diamalkan oleh DAP.